

16) SKIM SMART SEWA

Adun : Y.B. Tuan Muhammad Izuan Bin Ahmad Kasim (Kota Damansara)

Kategori : Lisan

Sesi : 3 (2025)

Sub soalan :

- a) Berapakah jumlah unit rumah yang telah disediakan oleh kerajaan bagi tujuan ini?**

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan unit rumah yang tersedia bagi pelaksanaan Skim Smart Sewa adalah 1,199 unit.

- b) Berapakah jumlah penyewa yang telah membuat permohonan dan berapa jumlah yang telah diterima untuk skim ini?**

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan permohonan yang diterima adalah 1,689 permohonan. Daripada jumlah tersebut 1,530 adalah layak menyertai program dan baki 159 adalah pemohon yang telah menolak permohonan atau menarik diri daripada skim atas sebab peribadi.

- c) Berapa lagi jumlah yang masih lagi ada untuk pemohon?**

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 386 unit rumah yang masih boleh diisi dan dibuka untuk tawaran penyewaan. Kekosongan ini disebabkan oleh penyewa sebelum ini yang telah keluar dan pengisian baru perlu dilaksanakan disamping terdapat unit-unit yang baru diterima sedang dalam proses pemasangan jeriji keselamatan, kipas, lampu dan sebagainya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 9 unit dijadualkan untuk mula disewakan pada bulan November 2025, manakala 35 unit lagi sedang dalam proses kemasukan kerana penyewanya telah selesai menjalani sesi temu duga. Kemasukan bagi unit-unit ini akan dilaksanakan secara berperingkat mulai Disember 2025 hingga Januari 2026. Sementara itu, baki sebanyak 342 unit yang masih kosong sedang diiklankan untuk penyewaan bagi tujuan pengisian seterusnya.